

GENERASI MUDA YANG PEDULI BAHASA



Bahasa Melayu seperti bahasa moden yang lain bersifat dinamik, yang memiliki kekuatan dan keluwesan yang membolehkannya menyesuaikan diri dengan apa-apa perubahan, baik dari segi perkembangan ilmu mahupun kemajuan pengetahuan yang berlaku di sekitarnya.

Perkembangan dan kemajuan ilmu serta pengetahuan di negara ini begitu pesat, terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang turut mempengaruhi gaya berbahasa dan cara berinteraksi dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam kalangan generasi muda, sama ada sesama kelompok sendiri ataupun dengan orang lain di luar kelompok mereka.

Kemunculan media sosial baharu seperti Facebook dan WhatsApp, begitu kuat natijahnya terhadap gaya berbahasa, berfesyen, berhibur, bersantai dan berinteraksi dalam kalangan orang muda, bahkan generasi tua pun turut terpengaruh dengan gaya berkomunikasi yang serba canggih, mudah dan pantas itu.

Jika seseorang pengguna bahasa tidak mempunyai keterampilan dan budaya berbahasa yang mantap, nescaya mereka mudah terikut-ikut dengan penggunaan bahasa yang salah, kasar dan tidak beradab, baik secara lisan mahupun tulisan yang tular dalam pelbagai media sosial.

Gejala penggunaan bahasa Melayu yang tidak santun yang kelihatan begitu sukar untuk dibendung itu tidak harus dibiarkan terus-menerus mendominasi tabiat dan gaya berbahasa generasi muda pada masa ini. Sesuatu harus dilakukan untuk memastikan orang muda terdidik sebagai pengguna bahasa Melayu yang baik, santun dan terampil sesuai dengan nilai akal budi, seperti budi bahasa, kebijaksanaan, dan kebudayaan yang terkandung dalam bahasa itu.

Seyogianya, bahasa Melayu yang baik, indah dan bestari itu jika diajarkan, diterapkan serta dibudayakan penggunaannya dalam kalangan orang muda sejak di bangku sekolah lagi, tidak mungkin bahasa itu tidak dapat membentuk keperibadian dan keterampilan dalam berbahasa.

Bahasa Melayu diakui mampu memainkan peranannya sebagai pembentuk generasi yang serba maju dalam pelbagai bidang kehidupan serta tetap ampuh terhadap penguasaan bahasa, terampil nilai serta budaya berbahasanya. Dengan penguasaan pelbagai fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pembentukan pemikiran dan peribadi melalui pengajaran dan



Generasi muda menjadi sasaran utama dalam aktiviti sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2017.

pembelajaran peribahasa, pantun, budi bahasa serta pelbagai aspek bahasa yang lain, tidak mustahil akan melahirkan generasi yang lebih prihatin terhadap penggunaan bahasa yang baik.

Peribahasa dan pantun sebagai misalnya, yang mengandungi nilai hidup, budaya, moral, pemikiran serta falsafah yang tinggi, halus dan murni sekiranya diajarkan dengan kaedah serta pendekatan yang menarik dan berkesan, pastinya dapat membentuk jati diri generasi muda.

Sekiranya pemikiran dan keperibadian orang muda hendak dijelmakan dengan berperantaraan bahasa Melayu, peranan bahasa itu sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan, bahasa diplomasi, dan bahasa persuratan haruslah direalisasikan, dimantapkan serta disebarluaskan secara terancang, khususnya melalui sistem pendidikan kebangsaan negara.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu juga tidak harus terlalu menjurus mekanisme bahasa seperti ejaan, sebutan dan tanda baca. Pengajaran dan pembelajaran aspek kesantunan berbahasa secara lisan dan tulisan juga perlu diberikan penekanan yang khusus. Dengan kata lain, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu dapat menjadi wahana pembentukan jiwa, emosi, rohani, peribadi dan akal budi generasi muda.

Elakkan penggunaan bahasa yang rancu dan cacamerba, sebaliknya gunakan bahasa Melayu yang beradab, baik, santun, dan indah supaya jiwa serta peribadi anak muda tidak mudah goyah dan terpengaruh dek penuluran bentuk serta jenis bahasa



Kecelaruhan penggunaan bahasa ini bukan sahaja dalam soal penggunaan bahasa Melayu yang rancu dan tidak santun, bahkan termasuk dalam soal sikap dan persepsi negatif terhadap kemampuan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris khususnya.



yang rancu, cacamerba, dan bahasa basahan yang dekaden nilai murninya.

Jika penggunaan bahasa slanga, bahasa rojak dan bahasa cacamerba berleluasa, bukan sahaja generasi muda yang akan celaru atau hilang keyakinan terhadap kewibawaan bahasa Melayu, bahkan generasi sekarang juga terkeliru.

Barangkali tidaklah begitu tepat jika dikatakan bahawa kalangan orang muda mengalami krisis keyakinan terhadap bahasa Melayu hanya disebabkan segelintir daripada mereka menggunakan bahasa Melayu yang cacamerba ketika berinteraksi pada laman media sosial atau penulisan karangan.

Keadaan ataupun gejala yang merusnkan ini, barangkali, adalah wujudnya kecelaruhan dan bukan krisis keyakinan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Gejala kecelaruhan penggunaan bahasa itu bukan sekadar terjadi dalam kalangan generasi muda, malah, turut berlaku dalam kalangan generasi yang berusia.

Kecelaruhan penggunaan bahasa ini bukan sahaja dalam soal penggunaan bahasa Melayu yang rancu dan tidak santun, bahkan termasuk dalam soal sikap dan persepsi negatif terhadap kemampuan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris khususnya. Barangkali, inilah kasus yang sangat membimbangkan banyak pihak kerana natijahnya akan menyebabkan bahasa Melayu tidak begitu diendahkan dalam proses

pembangunan bangsa serta pembentukan generasi muda Malaysia yang lebih patriotik terhadap bahasa Melayu baik sebagai bahasa kebangsaan mahupun sebagai bahasa rasmi negara.

Gejala penggunaan bahasa slanga, bahasa rojak, bahasa cacamerba dan bahasa tercela oleh pelbagai pihak, tidak terkecuali generasi muda, seperti yang terdapat dalam karya kreatif tertentu juga harus diberi perhatian yang sewajarnya oleh pelbagai pihak agar kelompok ini tidak terus hanyut dan lemas dalam gelora samudera bahasa yang tercemar.

Namun demikian, penulis ini cukup yakin generasi muda yang rata-ratanya terdidik dalam bahasa kebangsaan yang formal akan lebih bersikap positif dan lebih patriotik jiwa terhadap fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, asal sahaja usaha pemertabatan bahasa itu dilaksanakan secara sistematik dan berterusan.

Keyakinan penulis ini diperkuh bersandarkan pemerhatian umum terhadap keterlibatan serius pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam berbagai-bagai kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan Melayu yang diadakan di seluruh Malaysia seperti Pertandingan Forum Remaja, Pertandingan Forum Pelajar Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina, Pertandingan Debat, Pertandingan Pidato, Pertandingan Teater Pendek Kanak-kanak, Pertandingan Ekspresikan Bahasamu, Pertandingan Sahiba, Pertandingan Berbalas Pantun, Pertandingan Bicara Berirama, Sayembara Deklamasi Puisi, Peraduan Penulisan Kreatif, dan penerbitan karya dalam pelbagai akhbar serta majalah.

Mereka juga memperlihatkan kefasihan, kelancaran, kepandaian dan kecerdasan berbincang, berhujah, berbicara, berdialog, berekspresi dan berkarya dalam bahasa Melayu yang baku, baik, indah dan persis. Oleh itu, selagi status quo bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dilestarikan, generasi muda Malaysia pasti memiliki rasa kecintaan dan jiwa patriotik yang jitu terhadap bahasa kebangsaan.

Pelibatan pelajar dalam pelbagai kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan yang dinyatakan terdahulu juga merupakan gambaran bahawa golongan muda ini tidak mempelajari bahasa Melayu untuk sekadar lulus peperiksaan seperti tanggapan sesetengah pihak. Jika ada benar pun persepsi umum demikian, pada hemat penulis itu bukanlah suatu isu yang harus diheboh-hebohkan kerana yang penting mereka mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-

sungguh dan lulus peperiksaan. Lainlah ceritanya sekiranya mereka gagal dalam peperiksaan.

Apa-apa pun, jika memang benar ada dalam kalangan generasi muda itu yang belajar bahasa Melayu semata-mata untuk lulus peperiksaan, dan ironinya mereka tidak fasih serta cekap menggunakan bahasa itu, maka menjadi tanggungjawab hakiki para guru untuk memurnikan persepsi pelajar agar tidak bersikap instrumental terhadap bahasa Melayu sehingga mereka tidak bersungguh-sungguh mencekapkan diri dalam penggunaan bahasa itu.

Dalam konteks pemertabatan bahasa Melayu, golongan muda boleh ikut serta memainkan peranan yang penting. Paling tidak mereka menjadi suri teladan terhadap rakan seangkatan serta masyarakat umum dengan memperlihatkan keterampilan dalam penggunaan bahasa Melayu yang baik, indah, persis dan santun, baik secara lisan mahupun tulisan.

Selain itu, mereka hendaknya senantiasa mengambil inisiatif untuk mencari penaja atau penyumbang dana bagi mengadakan berbagai-bagai kegiatan yang dapat menyerlahkan kemodenan, kekuatan, kepentingan, kehebatan, keilmuan serta keindahan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan, bahasa politik, bahasa ekonomi, bahasa undang-undang, bahasa tadbir urus, bahasa diplomasi dan bahasa persuratan.

Golongan muda juga harus melibatkan diri dalam aneka kegiatan kebahasaan serta kesusasteraan secara cergas dan cerdas yang sekali gus dapat membantu memperkuh martabat dan harkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Usaha berterusan untuk menyemai dan menumbuhkan sikap bangga bahasa kebangsaan dalam kalangan generasi muda juga harus dipergiat dari semasa ke semasa melalui



Generasi muda harus peka dengan perkembangan yang berlaku pada bahasa Melayu.

pelbagai kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan yang terancang.

Sikap bangga bahasa kebangsaan harus diperlihatkan dengan kesungguhan dan kepekaan untuk mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan serta ketika berinteraksi dalam kalangan masyarakat Malaysia dan dengan masyarakat luar, khususnya mereka yang tidak tahu berbahasa Inggeris dan mereka yang faham akan bahasa Melayu.

Penggunaan perkataan, ungkapan dan istilah dalam Melayu hendaklah diutamakan ketika berucap, berkomunikasi, menulis dan membentangkan kertas kerja. Jika pembesar dari negara lain sebagai misalnya, berucap dalam bahasa kebangsaan masing-masing yang tidak difahami oleh orang Malaysia, maka wajar jugalah pembesar negara ini berucap menggunakan bahasa kebangsaan dalam acara besar pada peringkat serantau dan antarabangsa sebagai cara menampilkan sikap bangga terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan kita.

Antara faktor yang menghambat berkembang suburnya sikap bangga bahasa kebangsaan ini dalam kalangan generasi muda, termasuklah dominannya gejala mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa lain, dengan bahasa Inggeris khususnya ketika berinteraksi dengan orang lain.

Dalam hal ini, generasi muda haruslah memperkuh semangat dan memperkuh jati diri masing-masing agar tidak bersikap tidak berkeyakinan untuk berbahasa kebangsaan dalam situasi tertentu yang khalayaknya mampu bertutur dalam bahasa Melayu atau Indonesia.

Tingkah laku yang boleh menjatuhkan wibawa dan mencatatkan martabat bahasa kebangsaan seharusnya dihindari agar bahasa itu dapat berkembang serta dikembangkan dengan lancar dan cemerlangnya. Generasi muda dan generasi tua harus bahu-membahu dan seia sekata serta sehati sejiwa untuk terus meyakini kewibawaan dan kemartabatan bahasa Melayu.

Sesungguhnya, tanggungjawab untuk melestarikan kewibawaan dan merekayasa martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara Malaysia terletak di bahu rakyat Malaysia. Tidak harus ada rasa rendah diri untuk menggunakan bahasa Melayu dengan sesiapa pun, di mana-mana pun dan dalam situasi apa-apa sekalipun.

Yang paling penting, golongan muda hendaklah menampilkan diri dalam penggunaan bahasa Melayu yang baku, baik, bestari, canggih, cekap dan indah. **PE**